

Kerajaan tidak berpeluk tubuh biar rakyat derita - Muhyiddin

Rohaniza Idris dan Zanariah Abd Mutalib - Julai 26, 2021 @ 12:50pm

bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengakui kerajaan pimpinannya tidak sempurna tetapi tidak hanya berpeluk tubuh membiarkan rakyat menderita.


Sebaliknya Perdana Menteri menegaskan kerajaan sentiasa bergerak dan bertindak bagi menyelamatkan nyawa serta kehidupan rakyat.

Beliau berkata kerajaan memahami keresahan dan keimbangan rakyat apabila angka kes harian COVID-19 menunjukkan peningkatan.

Tegasnya, kerajaan sedang berusaha sedaya mungkin untuk mengatasi kemelut dengan mempercepatkan program vaksinasi dan terbukti Malaysia pada hari ini adalah antara negara yang terpantas dalam memberi vaksin kepada penduduknya.

"Apa yang penting, kita mestil bersolidariti dalam menghadapi zaman yang sukar ini. Tidak usahlah kita berbalah dan menuing jari kerana di sana, ada rakyat yang Jiwa sengsara, ada bapa yang tenggelam punca, ada anak yang menderita, manakala barisan hadapan kita terus berban dan hospital semakin tertenak.

"Marilah kita berganding bahu, mencari berkat dan meraih jaya pada setiap usaha sama. Bulat air kerana pembetung, bulat kita kerana muafakat. Bersatu kita pasti teguh, bercerai kita roboh," katanya.



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin membentangkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada sidang khas Dewan Rakyat hari ini. - Foto BERNAMA

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan penerangan mengenai Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada sidang khas Dewan Rakyat, hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan PPN adalah pelan pemuliharaan yang memberi tumpuan kepada strategi untuk keluar daripada ancaman COVID-19 secara selamat dan sistematis.

Katanya, fasa yang digariskan di bawah PPN adalah tertumpu kepada usaha meringankan beban ke atas kapasiti sistem kesihatan awam, membuka semula sektor ekonomi dan membenarkan aktiviti sosial dalam tempoh masa enam bulan sehingga akhir tahun ini.

Perdana Menteri menegaskan, PPN tidak statik tetapi dinamik, komprehensif dan boleh ditambah baik mengikut keperluan dan situasi semasa.

Katanya, secara keseluruhan, PPN adalah antara inisiatif kerajaan untuk memberi tumpuan kepada pembukaan semula ekonomi dan aktiviti sosial secara teratur dan berperingkat.

Beliau menjelaskan strategi peralihan keluar dari krisis COVID-19 melalui PPN dibuat secara berfasa merangkumi empat fasa yang mana peralihan sesebuah negeri dari satu fasa ke fasa yang selanjutnya membatikan pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial secara beransur.

"Peralihan ke suatu fasa tidak mengikut Jadual masa, tetapi berlandaskan pencapaian kita bersama untuk mengurangkan kadar penularan COVID-19, mengurangkan tekanan kapasiti sistem kesihatan serta meningkatkan tahap perlindungan rakyat menerusi suntikan vaksin."



- 34m New South Wales catat kes harian tertinggi COVID-19
- 39m Ahli Parlimen minta Adham bagi fail PDF

VAKSIN



NASIONAL sejarn yang lepas

Malaysia rekod 521,923 dos suntikan vaksin semalam - JKAV



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 8:15pm

Sekatan pergerakan, SOP umpama tidak lagi berfungsi



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 8:10pm

207 pesakit meninggal dunia, jumlah tertinggi



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 8:55pm

Sekatan pergerakan, SOP umpama tidak lagi berfungsi



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 8:10pm

207 pesakit meninggal dunia, jumlah tertinggi



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 8:05pm

Lebih 50 peratus penduduk dewasa sudah divaksin



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 8:34pm

Jangan terburu-buru buka sempadan



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 4:13pm

Individu boleh uji antibodi

TRENDING



NASIONAL 21 minit yang lepas

'Darurat batal atau tidak, tunggu Isnin'



LAIN-LAIN (SUKAN) 3 jam yang lepas

OLIMPIK: Atlet Filipina berlatih di Melaka jadi jutawan



NASIONAL 3 jam yang lepas

Kemungkinan besar 'hidup bersama' COVID-19 sebagai endemik - Pakar



LAIN-LAIN (SUKAN) 5 jam yang lepas

OLIMPIK: Emas pertama Malaysia hari ini?

MYRESIPI



RESEPI Jul 11, 2021 @ 12:43pm

"Peralihan ke suatu fasa tidak mengikut jadual masa, tetapi berlandaskan pencapaian kita bersama untuk mengurangkan kadar penularan COVID-19, mengurangkan tekanan kapasiti sistem kesihatan serta meningkatkan tahap perlindungan rakyat menerusi suntikan vaksin."

"Pelan pemulihan seperti ini turut dilaksanakan oleh banyak negara antaranya United Kingdom, Australia dan Singapura. Kita belajar, meneliti dan mengambil amalan terbaik dari negara itu supaya acuan PPN ini dapat dijadikan panduan penting dan sebagai asas kepada proses pemulihan negara," katanya.

Beliau menjelaskan bagi memastikan PPN berjalan seperti dirancang dan dipantau dengan teliti maka ditubuhkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) dengan penyertaan wakil daripada sektor swasta, pakar industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wakil kerajaan Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari impak pandemik kepada aspek kesihatan mental rakyat Malaysia.

Justeru katanya beberapa langkah khusus sudah diambil bagi menyelesaikan cabaran yang dialami rakyat berkaitan isu kesihatan mental.

"Langkah yang diambil adalah seperti mewujudkan talian sokongan psikososial di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) dan penyaluran dana kepada NGO berkaitan kesihatan mental," katanya.



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin membentangkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada sidang khas Dewan Rakyat hari ini. - Foto BERNAMA

MYRESIPI

RESEPI Jul 11, 2021 @ 12:43pm
Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah

TIPS & PETUA Jul 11, 2021 @ 12:42pm
Tips Telur Dadar Gebu & Sedap, Hanya Gunakan 3 Bahan Sahaja!

RESEPI Jul 9, 2021 @ 12:01pm
Resepi Mudah Aiskrim Mochi, Memang Nikmat Cair Di Dalam Mulut!

TIPS & PETUA Jul 9, 2021 @ 12:00pm
Tips Hilangkan Karat & Kesan Kerak Pada Kuali, Confirm Berkilat, Tak Payah Bell Baru Dah!

TIPS & PETUA Jul 8, 2021 @ 12:05pm

OHBULAN

SITI SARAH 21 minit yang lepas
'Kami Sekeluarga Positif Covid-19' – Siti Sarah

ISU & KONTROVERSI 41 minit yang lepas
'Upload Gambar Syaitan, Satu Malaysia Kecoh' – Caprice

SUAMI ISTERI 2 jam yang lepas
Gembira Isteri Hamil Selepas 3 Tahun Mencuba, Luluh Hati Suami Bila Baca Mesej...

LENSA INSTA 3 jam yang lepas
[FOTO] Pemain Bola Tampar Turki Curi Perhatian Ramai. Sekali Pandang Jatuh...

KINI TRENDING Jul 26, 2021 @ 9:31pm